

PRINSIP KEPIMPINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Ismail Ibrahim, Mohd Fauzi Kamaruddin, Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan,
Sabri Mohamad Sharif & Nasruddin Yunos

Abstrak : Kemahiran kepimpinan merupakan satu elemen kemahiran insaniah yang penting. Para graduan yang lahir dari menara gading adalah merupakan aset dan harta negara yang amat bernilai tinggi dan mereka bakal mewarisi tampok pemerintahan negara pada satu masa nanti. Pemimpin datang dan pergi, tetapi persediaan untuk menjadi pemimpin harus ditanam dan di asuh sebaik mungkin agar benih yang ditanam dan disiram bakal menjadi pokok yang memberikan hasil yang cukup lumayan. Justeru itu kemahiran menjadi seorang pemimpin yang tahu setiap selok-belok dan gaya kepimpinan yang tepat dan betul adalah satu hasrat dan cita-cita di setiap menara gading. Kertas kerja ini bertujuan membuat kajian terhadap prinsip-prinsip kepimpinan yang digariskan oleh Islam dalam melahirkan manusia yang hebat dari sudut kepimpinan. Bagi memenuhi dan mencapai matlamat ini, kajian akan dibuat berasaskan tinjauan literatur dan rujukan kepada dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah serta pendapat para ilmuwan Islam yang muktabar khususnya yang berkaitan dengan prinsip-prinsip kepimpinan Islam. Pada akhir kajian ini, diharapkan dapat dirumuskan prinsip kepimpinan berdasarkan pandangan ajaran Islam yang sebenar.

Kata kunci : Prinsip kepimpinan, perspektif Islam

Pendahuluan

Islam amat menekankan soal kepimpinan. Kepimpinan atau *imamah* merupakan satu kewajipan yang perlu di bentuk untuk melaksanakan dua tanggungjawab yang besar iaitu untuk memelihara agama dan menguruskan *siasah* dunia. Memelihara agama bermaksud menjaga dengan sepenuh keimanan, mengembang dan menyuburkannya, mempertahankan dari gangguan anasir jahat dan melaksanakan syariat agama dalam proses menjalani kehidupan harian sama ada sesuatu yang mempunyai kaitan dengan soal peribadi, keluarga, masyarakat, negara bahkan dunia seluruhnya.

Sementara menguruskan *siasah* dunia bererti mengendalikan urusan yang besar dan memberikan kesan atau impak yang secara terus dalam soal kehidupan adalah menerusi pentadbiran, pemerintahan dan pembangunan yang melibatkan soal-soal kehidupan, pembangunan material, kemajuan dan peradaban berasaskan kepada nilai-nilai agama dan prinsip-prinsip syariat. Apabila dihayati tentang betapa penting dan besarnya tanggungjawab kepimpinan ini iaitu kepimpinan yang mengabungkan tanggungjawab keagamaan dan keduniaan yang tidak boleh dipisahkan maka Islam meletakkan syarat-syarat tertentu agar amanah kepimpinan dapat dilakukan secara berkesan dan memberikan semaksimum mungkin matlamat yang diharapkan, kerana seorang pemimpin dalam Islam bukan sahaja bertanggungjawab kepada umat bahkan bertanggungjawab kepada yang kuasa yang lebih agung dan besar iaitu Allah SWT. Firman Allah SWT (Surah al-Hajj: 41) yang bermaksud:

“Mereka yang apabila kami kukuhkan mereka di bumi mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat dan mereka menyuruh berbuat yang ma’ruf dan mereka mencegah dari berbuat yang mungkar dan kepada Allah jualah akibat dari segala urusan”

Jika kita mendalami matlamat dari risalah agama yang sebenarnya, akan kita dapati antara matlamatnya ialah untuk membentuk suatu sistem kepimpinan yang soleh dan mempunyai pengarahannya menuju kebenaran dan hidayah iaitu kepimpinan yang dapat memandu manusia bagi menghayati konsep pengabdian dan ketaatan yang padu kepada Allah SWT dan perintah-

perintahNya. Kepimpinan yang dapat menegakkan keadilan dan membasmi kemungkaran serta kefasadan dari muka bumi. Antara hikmah dan tujuan kebangkitan para Nabi dan Rasul-rasul adalah untuk melaksanakan peranan tersebut. Peranan kepimpinan untuk membawa manusia ke jalan hidayah dan pengabdian kepada Allah diteruskan oleh para ulama' selepas wafatnya nabi-nabi dan rasul-rasul. Kerana Ulama' adalah pewaris dan penanggung amanah mereka.

Apa itu Kepimpinan Islam?

Menurut Zulkifle Abd Ghani dalam Islam, aspek kepimpinan diberi perhatian penting sehingga Rasulullah s.a.w.menganjurkan agar dilantik seorang pemimpin walaupun dalam kumpulan yang kecil sepertimana sabda Baginda yang bermaksud: "Apabila tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah dilantik seorang daripadanya sebagai ketua". Terdapat pelbagai definisi diberi tentang "kepimpinan" iaitu antaranya:

- i. Usaha untuk mempengaruhi individu atau sekumpulan individu untuk melakukan sesuatu tugas bagi mencapai objektif tertentu
- ii. Tingkah laku individu apabila dia sedang mengarah aktiviti kumpulan ke arah mencapai matlamat yang dikongsi bersama, dan
- iii. Seni menyusun hubungan antara individu dengan beberapa kumpulan yang mengarah mereka ke arah sesuatu matlamat yang dirancangan.

Terdapat pelbagai istilah yang dikaitkan dengan kepimpinan dalam Islam seperti 'khalifah', 'imamah', 'qiyadah', 'za'mah', 'ri'ayah', 'ri'asah' dan 'siyadah'. Semua istilah ini menunjukkan wujudnya hirarki dalam kepimpinan Islam dan boleh dilihat dalam beberapa ayat al-Qur'an antaranya :

a) Allah berfirman di dalam Surah al-A'raf : ayat 142 yang bermaksud:

" Dan berkatalah nabi Musa kepada saudaranya nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat) gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaum aku, janganlah kamu mengikut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan".

b) Allah berfirman di dalam Surah al-Baqarah : ayat 124 yang bermaksud:

" Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu), Allah berfirman: Sesungguhnya Aku melantik kamu menjadi imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku) jadikanlah juga dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: (Permohonan mu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim".

c) Allah berfirman di dalam Surah Yusuf : ayat 72 yang bermaksud:

"Orang-orang menteri menjawab: Kami kehilangan cupak raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu Kepimpinan seringkali dikaitkan dengan seni membimbing, mendidik, memujuk, mempengaruhi, mengajak, menuntun dan sebagainya. Justeru itu, umat Islam digesa supaya sentiasa penuh sedar tentang keperluan dan kepentingan kepimpinan kerana kepimpinan yang cemerlang akan melahirkan masyarakat yang cemerlang".

Kenapa Kepimpinan Islam

Salah satu perkara penting yang menjayakan serta meneguhkan kepemimpinan termasuklah wawasan yang terancang. Dalam hubungan ini, wawasan terhadap masa hadapan tidak boleh sama sekali dipisahkan daripada apa yang telah berlaku dalam sejarah dan juga apa yang sedang berlaku kini. Bagi umat Islam, masa hadapan yang dimaksudkan bukan sahaja

membabitkan kehidupan di dunia, bahkan juga selepasnya, iaitu kehidupan di akhirat. Berbicara tentang sejarah, barangkali ada antara kita yang menganggap bahawa sejarah tidaklah begitu penting untuk diketahui dan ditelusuri, apatah lagi untuk dihayati pengajarannya. Lebih malang lagi jika sikap ini wujud pada pemimpin kerana ternyata bahawa mereka lupa akan sifat sejarah yang sentiasa berulang, sama ada yang baik atau juga yang sebaliknya. Maka apabila mendepani kemelut sebagaimana yang pernah berlaku dalam sejarah, mereka cuba mengatasinya tanpa cuba mempelajari sesuatu daripada tindakan generasi sebelum mereka dalam usaha menyelesaikannya. Sejarah dan sifatnya yang berulang ini juga pernah diungkap dengan indahnyanya oleh Prof. Syed Muhamamd Naquib al-Attas dalam seloka ciptaannya, "Sifat sejarah menurut orang, ibarat pentas bermain wayang, cerita lampau dihurai dalang, pabila tamat segera diulang." Menurut beliau lagi, kaum Muslimin tidak mungkin dapat mengulangi kegemilangan, sebagaimana yang pernah dicapai pada zaman silam seandainya mereka lupa akan sejarah, peranan, nilai-nilai yang dianuti dan juga ilmu-ilmu yang dimiliki selain kehilangan makna diri, keperibadian serta perwatakan sebenar mereka (Wan Roslili : 2008).

Kepimpinan sesebuah negara perlu memberi perhatian yang utama kepada perkara terpenting dalam menyusun dan membangun negara. Dua daripada perkara tersebut ialah pertama, negara perlu mengurus pengendalian negara berdasarkan semangat syura dan kedua, negara perlu memenuhi tuntutan kebajikan rakyat. Adalah sesuatu yang asas dalam pemerintahan Islam bahawa urusan pengendalian negara perlu disandarkan kepada semangat syura (Nik Mustapa: 2008).

Rasululullah s.a.w dalam memperingati golongan pemimpin masyarakat dan negara pernah bersabda dengan maksud: "Seseorang pemerintah yang bertanggungjawab terhadap kebajikan orang Muslim tetapi tidak dengan ikhlas berusaha untuk memenuhi kebajikan mereka tidak akan memasuki syurga". (Sahih Muslim)

Dalam sejarah Islam kita dapat melihat mereka yang memegang kepimpinan umat dan negara umumnya terdiri daripada ulama'. Khalifah-khalifah Al Rashidin RA adalah ulama-ulama yang agung, mereka sebagai bintang-bintang yang menyinari alam ini. Begitu juga sebahagian daripada mereka yang kemudian. Meskipun ada di antara yang kemudian itu bukan terdiri dari ulama' yang tinggi kewibawaan tetapi mereka sentiasa mendampingi ulama' dan di satu pihak yang lain pula para ulama' sentiasa memberi nasihat, teguran dan kritikan yang sungguh berani dan tegas. Selepas kejatuhan khalifah Islam yang terakhir di Turki dan syaria Islam digugurkan, diganti dengan undang-undang sekular dari barat, wilayah-wilayah Islam jatuh satu demi satu ke tangan penjajah. Selepas kejatuhan khalifah, pimpinan umat Islam dipegang oleh golongan sekular yang tidak lagi hirau tentang syariat apatah lagi pandangan ulama'. Menyedari tentang kewajipan melaksanakan dakwah, syariat serta mengembalikan khalifah yang telah kehilangan kuasa itu maka para ulama' telah mempelopori pembentukan jamaah harakiah, gerakan-gerakan Islam dan menyeru umat supaya menyertai jamaah memperjuangkan kembali kesatuan umat, menghayati dan melaksanakan syariat serta membebaskan diri dari segala bentuk penjajahan dan penindasan sama ada dalam politik ataupun pemikiran. Gerakan-gerakan Islam yang lahir di Turki, Mesir dan wilayah-wilayah Arab yang lain, Iran, India, Indonesia dan Malaysia dipelopori oleh para ulama'. (Fadzil Noor: Harakah).

Kepimpinan Islam perlulah memiliki ciri-ciri khas iaitu kepimpinannya adalah berasaskan kepada kombinasi dari pelbagai unsur terbaik seperti yang pernah ditampilkan oleh kepimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat RA serta tabiin iaitu selain ketaqwaan yang tinggi ia mestilah sentiasa bersikap sensitif permasalahan semasa yang bersifat kontemporari, maju ke hadapan, perancangan yang dinamik dalam membentuk masa depan ummah, bersikap terbuka

dan toleransi dalam batas-batas yang dibenarkan oleh syarak. Bekerja sebagai sebuah entiti atau pasukan yang sentiasa mengamalkan sikap profesional, proaktif dan memperlihatkan ketrampilan sebagai pimpinan sejati. Ini ciri-ciri yang amat diperlukan (Fadzil Noor: Harakah)

Saidina Omar Al-Khattab r.a, Khalifah Islam kedua pernah menulis surat kepada Abu Musa, Gabenor sebuah Wilayah dengan maksud berikut: "Seorang pemerintah yang baik adalah di mana di bawah kepimpinannya, masyarakat berada pada keadaan yang senang dan makmur dan pemimpin yang buruk ialah di mana di bawah kepimpinannya rakyat berada dalam keadaan menderita". Dari kedua-dua asas penting pemerintahan Negara mengikut Islam jelas kepada kita bahawa kepimpinan negara wajib memberi perhatian yang bersungguh-sungguh kepada sistem pentadbiran dan pengurusan negara yang diasaskan kepada semangat syura dan sekaligus bermatlamat untuk mencapai pembangunan negara dalam ke semua aspek keperluan rakyat termasuk kerohanian dan kebendaan dalam acuan yang sepadu (Nik Mustapa: 2008).

Oleh itu kepemimpinan politik Melayu Islam perlu memiliki ramuan berikut: (Nik Mustapa: 2007)

- Pemimpin harus menguasai kefahaman terhadap pandangan hidup (*worldview*) Islam secara mendalam. Kefahaman tersebut akan membina kepemimpinan yang berdaya maju dan berperanan secara sesuai dengan perkembangan masa dan diperingkat antarabangsa. Dalam rangka menguasai pandangan hidup Islam tersebut, ia perlu disandarkan kepada falsafah tauhid melalui penguasaan ilmu al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w.
- Pemimpin harus mampu menterjemah keluhuran Islam dalam suasana sebenar negara. Pemimpin tidak seharusnya ghairah dan tengelam dengan retorika Islam dan hanyut dengan cogan kata yang mulia. Pemimpin Islam dewasa ini hendaklah mampu menerajui negara dengan menjadi prinsip-prinsip Islam dalam mengurus dan mentadbir sistem pengendalian negara dalam segala aspek.
- Pemimpin mampu membentuk masyarakat negara yang berilmu, bersikap terbuka dan mampu berfikir secara kritikal untuk menegak kebenaran, keadilan dan memupuk budaya muafakat serta toleransi. Masyarakat negara yang memiliki ciri pemikiran negatif seperti sikap pemikiran tertutup, mekanikal, literal dan berfikiran mudah akan membantut pembangunan negara mengikut acuan Islam.
- Pemimpin harus dicetuskan dalam masyarakat. mempunyai sikap terbuka, ingin mendengar dan sentiasa mendokong kebenaran. Sikap ini akan mewujudkan suasana erat dan sesuai untuk pandangan bermutu

Pemimpin boleh diibaratkan sebagai seorang "bapa". "Bapa" yang bijak dan tahu tanggungjawabnya sahaja yang boleh membawa keluarganya berjaya di dunia mahupun di akhirat. Sama jugalah dengan pemimpin. Jika pemimpin bijak dan arif berkenaan tanggungjawab yang dipikul, maka negara ini dan rakyatnya akan dapat merasai nikmat kejayaan. Ingatlah bahawa setiap Muslim inginkan kejayaan di dunia serta tidak ingin melepaskan kejayaan di "dunia yang satu lagi". Oleh itu, wahai pemimpin, pimpinlah kami agar berjaya di "sini" serta di "sana" nanti. Pemimpin yang disegani pastinya mempunyai ciri-ciri yang melayakkan dirinya dipandang tinggi dan dicontohi. Ciri-ciri ini tidaklah beku sifatnya. Bagi satu insan dengan insan yang lain, pemimpin yang dikehendakinya berbeza pula ciri-cirinya. Namun apa yang pasti, jika kita berpegang kepada pemimpin yang menabur janji dan wang ringgit semata-mata, maka

nikmat kepimpinannya tidak akan lama dirasai. Malah, kesan yang buruk boleh menimpa masyarakat. Oleh itu berpeganglah kepada pemimpin berilmu (Azrina: 2007)

Sesungguhnya Khalifah `Umar menjadi lambang pemimpin agung yang memiliki makna diri yang tinggi. Berasaskan ketaqwaan, beliau berupaya mengenali dirinya dan mengetahui dengan jelas makna dan arah tujuan hidupnya. Maka dengan yang demikian pula, beliau memiliki keupayaan untuk membimbing rakyat pimpinannya menuju matlamat dan jalan yang benar dan yang diredai Allah s.w.t. Kisah perjuangan dan kepimpinan `Umar r.a. juga memberikan isyarat yang penting kepada kita bahawa bukan pemimpin sahaja yang menggalas tanggungjawab dan amanah yang berat, malah rakyat juga memiliki tanggungjawab yang sama. Ini kerana, di tangan merekalah letaknya kuasa memilih pemimpin. Jika yang menjadi pilihan ialah pemimpin yang benar, bertanggungjawab dan yang bertekad mahu memimpin mereka kepada kebenaran sebagaimana yang ditegaskan oleh Khalifah `Umar maka akhirnya kepada kebenaranlah mereka akan dibimbing dan dipimpin. Jika yang sebaliknya dipilih oleh mereka, maka kesan dan mudaratnyalah yang akan ditanggung oleh mereka. Benarlah kata-kata Khalifah `Umar bahawa kekuasaan merupakan suatu bentuk ujian, sama ada bagi pemimpin mahupun juga rakyat yang dipimpin, "Tuan-tuan sekalian, aku ini hanyalah salah seorang daripada kamu. Jikalau tidak disebabkan cadangan Rasulullah yang lalu, yang tidak sepatutnya ditolak, maka aku tidak akan menerima jawatan ini. Sesungguhnya Allah menguji kamu dengan pelantikanku, sebagaimana Dia menguji dengan memimpin kamu"(Wan Roslili: 2008)

Ini kerana, amanah kepemimpinan menuntut pemikulnya sentiasa mencari-cari kelemahan, kepincangan dan kekurangan untuk diatasi dengan penuh wibawa. Maka dengan itu, tiada satu saat pun yang akan dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai tujuan tersebut. Ini kerana, kebimbangan menguasai diri setiap pemimpin berkenaan seandainya amanah yang diserahkan dengan penuh kepercayaan oleh rakyat yang dipimpin telah gagal disempurnakan dan menyebabkan rakyat seluruhnya berduka cita kerananya. Lantaran itu sebagai akibatnya, mereka pula yang akan dipersoalkan Allah s.w.t. pada hari pengadilan kelak kerana kecuaiannya dan kegagalan mereka sebagai orang yang dipercayai amanah serta tanggungjawab kepemimpinan. Dalam membicarakan soal kepemimpinan, barangkali kita lupa akan kepentingan peranan yang diberikan oleh penasihat kepada pemimpin. Kisah Khalifah Harun al-Rashid, khalifah Bani `Abbasiyyah yang kelima, menarik untuk direnung iaitu bagaimana gurunya, Sufyan, menolak untuk menemui dan memutuskan hubungan dengan baginda akibat kecewa dengan tindakannya yang membuka Baitul Mal dan mengagih-agihkan kepada kaum-kerabat dan sahabat-sahabatnya sebaik sahaja baginda dilantik sebagai pemerintah, tanpa terlebih dahulu memohon kebenaran daripada tentera yang berjuang pada jalan Allah, janda-janda dan anak-anak yatim. Peringatan yang diberikan oleh Sufyan kepada Khalifah Harun al-Rashid turut menginsafkan `Abbad, utusan yang membawa surat daripada baginda kepada Sufyan. `Abbad sendiri telah menukar penampilannya dengan membeli pakaian yang lebih murah di pasar (Wan Roslili: 2008)

Prinsip Kepimpinan Islam

Tiga perkara asas yang mengawal perjalanan kepimpinan Islam ialah :

1) Syura

Syura merupakan prinsip yang utama dalam kepimpinan Islam. Syura merupakan satu pendekatan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada umatnya atas asas pendekatan ini mampu

memberikan paradigma sistem kepemimpinan yang hebat dan mulia serta setiap keputusan yang dibuat oleh pemimpin sentiasa mendapat kerediaan dan kerahmatan daripada Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam Surah as-Syura:36 bermaksud:

“Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka dan mereka menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”

Implementasi syura di dalam kepemimpinan Islam menjadikan kepemimpinan Islam lebih terbuka serta mengutamakan pendapat yang semestinya datang daripada ahli syura yang berkelayakan dan pendapat dan saranan yang dibuat pada majlis syura adalah tidak bertentangan dengan syarak. Syura juga memainkan peranannya untuk menilai serta menguruskan perjalanan kepemimpinan seorang pemimpin dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Pemimpin mestilah mengikut dan melaksanakan keputusan yang dibuat dalam majlis syura. Cara untuk memahami perjalanan syura adalah seperti berikut:

Pertama: Hal pentadbiran dan pengurusan hendaklah dikendalikan oleh pemimpin.

Kedua: Urusan yang memerlukan keputusan yang pantas dan segera hendaklah ditangani oleh pemimpin dan dibentangkan kepada jamaah mesyuarat atau melalui telefon persidangan.

Ketiga: Ahli-ahli atau wakil mereka hendaklah mampu memeriksa dan mempersoalkan tindakan pemimpin secara bebas tanpa mempunyai perasaan malu.

Keempat: Dasar-dasar yang hendak diambil, objektif jangka panjang dan keputusan yang penting mestilah dibuat oleh wakil yang dipilih dalam suatu proses syura yang besar. Perkara ini tidak boleh diserahkan kepada pemimpin sahaja. (Hisham Altalib, 1992:54)

Syura atau bermesyuarat adalah antara prinsip pemerintahan Islam. Perkara dan urusan yang boleh diputuskan melalui syura adalah hal ehwal urusan pentadbiran yang bersifat keduniaan seperti urusan ekonomi, sosial, pentadbiran, politik dan kehakiman. Syura tidak boleh diadakan bagi menghalalkan yang haram atau sebaliknya. Begitu juga dalam urusan keagamaan yang telah ditetapkan oleh syariah. Dalam urusan pentadbiran negara, syura adalah suatu kemestian, bahkan menjadi dasar utama pemerintahan. Bagaimanapun kaedah pelaksanaannya tidak digariskan dengan terperinci dan tidak pula menetapkan kriteria yang tertentu bagi keanggotaan majlis syura. Oleh demikian terserahlah kepada suasana dan keadaan setempat bagi menentukan keanggotaan tersebut. Begitu juga dengan bentuk keahliannya. Ia boleh berbentuk pilihan atau lantikan. Di zaman pemerintahan khalifah, majlis syura berkuasa menentukan khalifah. Majlis syura boleh berlaku dalam pelbagai peringkat. Sama ada formal atau ad-hoc, seperti yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Apabila baginda meminta pandangan dari sahabat dan didapati pendapatnya bertentangan dengan pendapat ramai, baginda akan menerima pendapat ramai. Di zaman Khalifah Omar, beliau pernah mengambil pendapat melalui mesyuarat dengan pihak wanita dan beliau untuk mengambil keputusan yang terbaik. Bermusyawarah akan memberikan kekuatan dan menghasilkan natijah yang baik dan hampir kepada kebenaran. Dengan demikian pendapat ramai dapat dibincangkan untuk menghasilkan rumusan yang terbaik. Islam menggalakkan setiap lapisan pemimpin bermusyawarah dengan pengikut atau pegawai-pegawainya. Dengan demikian ia memberi kebebasan berfikir dan bersuara kepada semua. Ini juga merupakan di antara cara bagaimana kecemerlangan dapat dicapai (Abd Munir: 2003).

2) Adil

Pemimpin hendaklah berlaku adil dalam melaksanakan tugas kepimpinan dengan memberikan hak kepada yang sepatutnya serta tidak mendiskriminasi antara manusia dengan melihat dari sudut bahasa, bangsa, kaum, warna kulit dan agama. Sifat-sifat *mazmumah* atau kelakuan keji yang menjejaskan maksud adil seperti sifat kebencian yang melampau, dendam, hasad dengki hendaklah dijauhkan bahkan harus dijadikan sempadan dalam melayari tugas-tugas kepimpinan. Hak yang saksama seharusnya diberikan tanpa membezakan kerana tugas pemimpin adalah untuk semua umat atau rakyat tanpa mengira latarbelakang kaum dan agama.

Firman Allah SWT di dalam (surah al-Maidah : 8) yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Sebagai pemimpin seharusnya menjauhkan diri dari sifat kebencian yang akan membawa kepada dendam dan fitnah terhadap rakyatnya. Pemimpin sewajarnya menggantikan sifat dendam kepada sifat kasih sayang serta saling hormat menghormati dan menjadikan keadilan itu satu realiti dan bukannya fantasi politik ketika meraih undi atau populariti sahaja.

Adil kepada orang lain dan berlaku adil kepada diri sendiri dan keluarga. Keadilan boleh mencetuskan keharmonian di antara pelbagai pihak dan anggota masyarakat. Keadilan juga menuntut supaya pihak pentadbiran apabila memberikan tugas kepada seseorang hendaklah mempertimbangkan kesesuaian dan kemampuannya supaya tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna dan cemerlang. Islam menuntut supaya keadilan ditegakkan dengan penuh kejujuran dan amanah. Keadilan menolak tindakan yang dilakukan menurut hawa nafsu. Apabila keadilan ditegakkan bererti pemerintah telah melaksanakan satu daripada asas prinsip pemerintahan Islam. Abu Bakar apabila dilantik menjadi khalifah telah memberi ucapan dan di antara kandungannya adalah mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada rakyat apabila berlaku benar dan membetulkannya apabila melakukan kesilapan. Begitu juga dengan Khalifah Umar apabila menjadi khalifah. Antara cara untuk menegakkan dan mengawal keadilan adalah melalui peraturan dan undang-undang supaya dapat mengawal kepentingan awam (Abd Munir: 2003).

3) Terbuka dalam memberi dan menerima pandangan

Pemimpin Islam hendaklah memberikan ruang untuk kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat dengan peraturan dan cara-cara yang terbaik sepertimana yang dianjurkan oleh Islam. Ruang dan peluang ini seharusnya digunakan oleh rakyat atau umat untuk menggunakannya semaksimum mungkin. Inilah cara di zaman sahabat pada era khulafa' al-Rasyidin bagaimana pemimpin ditegur untuk menjadi lebih baik dan bukannya pemimpin dihimpit dan didekati oleh rakyat hanya semata-mata untuk projek dan jawatan sahaja. Seseorang pemimpin di dalam Islam sebenarnya memikul satu tanggungjawab yang besar dan tanggungjawab mendidik pemimpin untuk tidak menjadi zalim dan bengis dalam melayari bahtera mengetuai sesuatu organisasi.

Kesimpulan

Tidak perlu dihuraikan betapa kompleksnya manusia. Allah swt tidak memberi kita keupayaan untuk seorang pemimpin membaca minda orang lain, Allah juga tidak mencipta manusia serupa walaupun ada yang seiras rupa, malah kembar sekali pun, setiap individu itu unik. Tidak akan sampai masanya kita boleh memahami setiap individu, termasuk diri kita sendiri sepenuhnya tidak kiralah apa yang diteorikan dan dipelajari. Apa yang realitinya, ialah pemimpin hari ini berhadapan dengan cabaran yang serba kompleks dan berat. Justeru itu, pemimpin yang bijak perlu mengaplikasikan budaya kepimpinan cemerlang berlandaskan konsep kepimpinan Islam. Kertas kerja ini bertujuan membentangkan mengenai prinsip-prinsip kepimpinan menurut perspektif Islam. Tiga aspek utama dipilih untuk diperbincangkan iaitu konsep 'Syura', 'Adil' dan 'Keterbukaan.' Ini kerana, di dalam menghadapi cabaran kepimpinan masa kini, adalah penting bagi seorang pemimpin mengamalkan tiga konsep ini kerana cabaran yang dihadapi tidak dapat diselesaikan melainkan dengan perbincangan yang berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah yang memayungi konsep-konsep di atas. Pada hakikatnya, seorang pemimpin perlu membuat keputusan-keputusan penting pada setiap masa. Keputusan-keputusan ini akan memberi halatuju kepada organisasi terbabit. Membuat keputusan dengan emosi dan tergesa-gesa akan memberikan kesan negatif kepada organisasi yang dipimpin. Dalam hal ini, mengaplikasikan konsep 'Syura' bererti membuka ruang kepada mereka yang terdekat untuk memberikan pendapat. Walaubagaimanapun, dalam setiap Syura, pemimpin perlu menerapkan dua lagi konsep kepimpinan yang tidak kurang penting iaitu 'keterbukaan' dan 'adil'. Seorang pemimpin perlu menjadikan konsep-konsep ini sebagai budaya organisasi yang dipimpinnya. Hanya dengan demikian, keputusan yang terbaik akan dapat dicapai dan kebenaran serta kejayaan akan terhasil.

Rujukan

Al-Quran dan Tafsir Ar-Rahman

Konsep Kepimpinan Dalam Parti Islam SeMalaysia, al-Marhum Dato' Hj Fadzil Mohd Noor, Harakah

Abu Dawud, (1990). *Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Fikr, jil. I & II, cet. Pertama

Abu Yusuf, (1382H). *Kitab al-Kharaj*, Kaheerah: Al-Matba'at al-Salafiyat, cet. III.

Ibn Kathir, (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Damsyiq: Maktabah Dar al-Fiha', jil. I, III, juz. V, jil. II, jil. IV, cet. II.

Ibn Qayyim al-Jawziyyat, (1996). *Ahkam ahl al-Dhimmat*, Bahagian I, Damsyiq: Matba'ah Jami'ah, cet. Pertama.

KH. Jamil Ahmed, (t.t). *Muhammad in Non-Muslims' Eyes*, Pakistan: Shalimar Publication (PVT) Ltd.

al-Maraghiy, (t.t). *Tafsir al-Maraghiy*, Beirut: Dar al-Fikr, jil. I, II, VI, X.

al-Mawardi, (t.t). *Al-Ahkam al-Sultaniyyat*, Beirut: Dar al-Fikr.

Mu'assat A'mal al-Mawsu'at, (1999.). *Al-Mawsu'at al-'Arabiyyat al-'alamiyyat*, Riyadh: Mu'assat A'mal al-Mawsu'at, cet. II, jil. IX.

Zulkiple Abd Ghani. *Kepimpinan Islam: Konsep dan amalannya dalam konteks Islam Hadhari*. JAIS

Wan Roslili Majid. 2008. Pemimpin harus belajar dari sejarah. Berita Harian, 27 Mei: 2008.

Wan Roslili Majid. 2008. Kecenderungan pemimpin jadi ikutan rakyat. Berita Harian, 29 April: 2008.

Nik Mustapa Nik Hassan. 2008. Islam, politik dan kepimpinan. Berita Harian. 1 April: 2008.

Wan Roslili Majid. 2008. Unsur penting bagi kelangsungan kepimpinan. Berita Harian, 25 Mac: 2008.

Wan Roslili Majid. 2008. Ukuran kejayaan sebuah kepimpinan. Berita Harian, 16 November: 2008.

Azrina Sobian. Harapan masyarakat terhadap kepimpinan. Berita Harian, 16 November 2007.

Fadzil Mohd Noor. Konsep kepimpinan dalam Parti Islam SeMalaysia, Harakah.

Ismail Ibrahim
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan UTeM

Mohd Fauzi Kamaruddin
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM

Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, UTeM

Sabri Mohamad Sharif
UNIC, UTeM

Nasruddin Yunos
Pensyarah
Pusat Pengajian Umum
UKM